



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

**KENYATAAN MEDIA**

**MENTERI KERJA RAYA**

**PEMBUKAAN LALUAN FT 62 JALAN PEKAN TAJAU – BANDAR**  
**JENGKA, MARAN**

Laluan FT 62 Jalan Pekan Tajau – Bandar Jengka, Maran yang telah ditutup sejak 11hb Januari 2015 jam 3.00 petang kerana kerosakan pembedong yang telah menyebabkan mendapan jalan yang serius dan membahayakan pengguna jalan, akan dibuka semula mulai jam 7.00 malam ini 14 Januari 2015.

Pembaikan telah diuruskan oleh Jurutera Daerah Maran bersama syarikat konsesi; Roadcare Sdn Bhd menggunakan kaedah pemasangan Jambatan Bailey. Pemasangan telah dilaksanakan oleh pasukan JKR Temerloh dengan bahan disediakan oleh JKR Kedah. Penyiapan jalan masuk adalah melalui Roadcare Sdn Bhd

Dengan siapnya komponen-komponen tersebut, dan semakan keselamatan, maka Laluan FT 62 adalah dengan ini disahkan selamat dan dibuka semula untuk pengguna jalanraya.

Saya mengucapkan syabas dan berbilang terima kasih kepada kesemua pihak yang telah bekerjasama untuk menyiapkan kerja ini sehingga ianya dapat dibuka semula dalam masa 3 hari sahaja demi kemudahan kepada rakyat.

**YB DATO' SRI HJ. FADILLAH YUSOF**

**MENTERI KERJA RAYA**

**14 JANUARI 2015**

**6.00 PETANG**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my